



KEKOSONGAN HARTA SEWAAN

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Majlis Daerah Tanjong Malim untuk mengisi kekosongan harta sewaan, MDTM.

Bil.	Harta Sewaan
	TANJONG MALIM
1.	Kompleks Stesen Bas Tanjong Malim – Gerai Tingkat Bawah & Atas, Terminal Bas, Parking Bas
2.	Pasar Awam Tanjong Malim – Meja Buah, Meja Ikan, Tapak Peti Sejuk
3.	Medan Selera Muallim
	SLIM RIVER
4.	Bazaar MDTM Slim River
5.	Pasar Awam Slim River – Meja Buah, Gerai Buah, MejaIkan, Meja Sayur, Meja Daging, Meja Khinzir
6.	Medan Niaga Slim River – Tingkat Atas
7.	Arked Niaga Slim River – Tingkat Atas
8.	Kompleks Stesen Bas – Terminal Bas, Kaunter Tiket/Pej/Gerai
9.	Gerai Transit
10.	Wisma MDTM – Tingkat Tiga
11.	Gerai Jalan Dew (Medan Selera)
	BEHRANG STESEN
12.	Pasar Baru Behrang Stesen – Meja Ikan, Meja Sayur
	SLIM VILLAGE
13.	Pasar Awam Slim Village – Meja Ayam, Meja Ikan, Meja Sayur

2. Syarat utama yang perlu diketahui dan diambil perhatian oleh pemohon ialah :-
- Keutamaan adalah diberikan kepada penduduk tempatan yang lahir atau tinggal di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim
 - Mempunyai pengalaman/pengetahuan mengenai jenis perniagaan yang hendak dijalankan
 - Mempunyai kewangan yang mencukupi dan berupaya membayar sewa yang akan dikenakan
 - Pemohon yang berjaya hendaklah bersedia mematuhi peraturan Majlis dari masa ke semasa
3. Memandangkan bilangan kekosongan terhad, maka calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk temuduga oleh Jawatankuasa Temuduga Majlis.
4. Borang Permohonan Sewaan boleh diperolehi dari Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MDTM dengan bayaran RM1.00 dan bayaran proses RM10.00 bagi satu borang pada waktu pejabat dibuka. Pemohon perlu hadir sendiri dengan membawa kad pengenalan diri.
5. Semua Borang Permohonan Sewaan hendaklah diisi dengan lengkap beserta dokumen-dokumen yang perlu sebagaimana yang dinyatakan di dalam borang tersebut. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke Majlis sebelum atau pada **28 Februari 2020** ke alamat berikut :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
PETI SURAT 59
35900 TANJONG MALIM**

6. Semua pemohon yang telah mengemukakan permohonan dan tidak mendapat apa - apa jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup permohonan ini hendaklah dianggap permohonan tidak Berjaya.
7. Majlis berhak menolak permohonan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi syarat - syarat yang dinyatakan.